

24 APR 2003

Abdullah-Economist

TIADA SIAPA DAPAT MENIDAKKAN KEMAJUAN YANG DIBAWA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata tiada siapa termasuk media barat yang dapat menidakkan hakikat kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdullah berkata di bawah Perdana Menteri, Malaysia telah muncul sebagai sebuah negara makmur, maju dan bersatu padu serta menjadi sebuah negara yang dihormati dan disanjung.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan sebagai mengulas sebuah rencana mengenai peralihan pucuk pimpinan di Malaysia yang disiarkan oleh majalah "The Economist" pada 5 April lalu yang antara lain mengkritik keras kepimpinan Dr Mahathir.

Abdullah berkata rencana itu memberi gambaran negatif terhadap kemajuan dan pembangunan negara di bawah kepimpinan Perdana Menteri.

"Jelas daripada tulisan rencana ini bahawa penulis dan majalah ini mempunyai motif yang buruk terhadap pucuk pimpinan negara," katanya.

Abdullah berkata kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia yang diterajui Dr Mahathir jelas dapat dilihat malah diakui di dalam negeri dan di pentas antarabangsa.

"Tiada siapa, termasuk media barat, yang dapat menidakkan hakikat ini," katanya dalam kenyataan empat perenggan itu berhubung rencana "The Changing of The Guard: A Survey of Malaysia" di majalah itu.

Menurut Pemangku Perdana Menteri, rencana itu tidak harus disalah tafsir atau dieksploitasi oleh mana-mana pihak.

Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak turut membidas rencana tulisan Christopher Lockwood itu kerana tidak memberi gambaran yang wajar dan tepat mengenai kepimpinan negara ini dan dasar-dasar kerajaan.

Najib yang juga Menteri Pertahanan kesal kerana rencana berkenaan juga membuat kritikan berbentuk peribadi terhadap Dr Mahathir.

Di bawah bahagian bertajuk "A Qualified Success" yang merupakan kesimpulan terhadap rencana itu antaranya menyatakan: "The greatest service of Dr Mahathir could render Malaysia after all these years would be to retire, full stop." (Bakti terbaik yang Dr Mahathir boleh sumbangkan selepas sekian lama ini ialah untuk bersara, bersara buat selama-lamanya).

Selain itu ia juga menyatakan "Installing Dr Mahathir in Jeddah where the OIC is based, would have another great advantage, for Malaysia at least; it would get him out of the country."

(Menempatkan Dr Mahathir di Jeddah di mana terdapat ibu pejabat OIC, akan mempunyai satu lagi kelebihan, sekurang-kurangnya bagi Malaysia; ia akan membawa beliau keluar dari negara)

"Will he (Pak Lah when takes over) be able to dispense with the authoritarianism that to many, has made Dr Mahathir look more than a jailer than guardian of his people."

(Bolehkan beliau (Pak Lah apabila mengambil alih) dapat memerintah dengan menunjukkan kuasa seperti yang ramai berpendapat Dr Mahathir nampak lebih sebagai orang yang memenjarakan daripada orang yang menjaga rakyatnya)

Isu-isu lain yang disentuh oleh artikel itu mengenai hubungan kaum, Dasar Ekonomi Baru, Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), perbelanjaan projek mega, ancaman Pas dan kemampuan Umno dan Barisan Nasional.

Najib berkata artikel itu membuat perbandingan antara Dr Mahathir dan Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang boleh

menimbulkan salah faham dalam proses peralihan kuasa pada Oktober ini.

"Perlu ditegaskan mana-mana pemimpin mempunyai gaya masing-masing, hakikatnya Dr Mahathir menamakan Abdullah sebagai penggantinya, menunjukkan beliau dan parti yakin Abdullah akan dapat menjalankan tanggungjawab itu," katanya.

Najib berkata kritikan itu adalah berat sebelah tanpa mengambil kira kejayaan besar dan jasa Dr Mahathir dalam membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang berjaya.

Beliau berkata isu-isu lain yang disiarkan dalam rencana itu juga merupakan pandangan berat sebelah dan sering diutarakan oleh pihak pembangkang tanpa mengambil kira pandangan kerajaan.

Ditanya mengenai tindakan Umno berhubung rencana itu, Najib berkata kemungkinan Umno akan mencadangkan kepada kerajaan untuk menyekat pengedaran majalah yang berpejabat di London itu, bagaimanapun adalah penting supaya kerajaan mengeluarkan pandangan yang betul mengenai kejayaan dan pendirian Malaysia.

-- BERNAMA

MRA MAM AHH PR